

SULIT



KAJIAN INDEKS KESEJAHTERAAN KELUARGA 2019

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sedang menjalankan kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia Ketiga (IKK-3). Tujuan soal selidik in adalah untuk mengkaji kesejahteraan keluarga di Malaysia. Kami berminat untuk mengetahui hal-hal penting tentang kesejahteraan keluarga seperti hubungan kekeluargaan, ekonomi, kesihatan, keselamatan, keterlibatan komuniti, agama dan kerohanian, perumahan dan persekitaran, serta penggunaan teknologi komunikasi. Pendapat dan pandangan anda akan dijadikan rujukan dalam merangka program-program yang dapat meningkatkan kesejahteraan keluarga Malaysia.

Garis Panduan

1. Jawab semua soalan
2. Berikan jawapan anda dengan jujur dan ikhlas
3. Sekiranya anda mahu menukar jawapan anda, anda boleh berbuat demikian

Sekiranya ada sebarang pertanyaan, sila hubungi seperti talian berikut:

1. Pn. Noor Azlin Muhamad Sapri, LPPKN (03-2613 7555, ext. 1504)
2. Pn. Nur Airena Aireen Azman, LPPKN (03-2613 7555, ext. 1503)
3. Pn. Syarfa Akhilar, IPSOS BC (03-2280 6478)
4. Ms. Karie Yong, IPSOS BC (03-2280 6485)

A. BUTIR-BUTIR PENGENALAN (UNTUK KEGUNAAN ENUMERATOR SAHAJA)

| | |
|-------------------|--|
| Nama Enumerator | |
| No. HP Enumerator | |
| Kod Negeri | |
| Lokaliti | <input type="checkbox"/> Bandar <input type="checkbox"/> Luar Bandar |

| | | | |
|--------------------|--|--------|--|
| Daerah Pentadbiran | | | |
| No. BP | | | |
| No. TK | | | |
| Alamat | | | |
| Bandar | | Poskod | |
| No. Tel Responden | | | |

| | Bilangan Lawatan | | | Catatan |
|----------------------------|------------------|---|---|---------|
| | 1 | 2 | 3 | |
| Tarikh | | | | |
| Masa Temubual Bermula | | | | |
| Masa Temubual Tamat | | | | |
| Tarikh dan Masa Temu Janji | | | | |
| Bahasa Temubual | | | | |

| Soalan Saringan | | |
|--|--|--|
| Adakah anda mempunyai anak dalam lingkungan umur 3 hingga 24 tahun? | | |
| YA | | Jika YA, sila teruskan dengan soal selidik |
| TIDAK | | Jika TIDAK, soal selidik TAMAT |

11. Sila lengkapkan butir-butir ahli keluarga seperti berikut, termasuk diri sendiri:

[Scripting instruction: Bilangan nama perlu padan dengan jawapan Q10]

| No | Nama | Jantina | Umur | Hubungan dengan Responden* | OKU |
|----|------|---------|------|----------------------------|------------|
| 1 | | L/P | | | Ya / Bukan |
| 2 | | L/P | | | Ya / Bukan |
| 3 | | L/P | | | Ya / Bukan |
| 4 | | L/P | | | Ya / Bukan |
| 5 | | L/P | | | Ya / Bukan |
| 6 | | L/P | | | Ya / Bukan |
| 7 | | L/P | | | Ya / Bukan |
| 8 | | L/P | | | Ya / Bukan |
| 9 | | L/P | | | Ya / Bukan |
| 10 | | L/P | | | Ya / Bukan |

* Contoh jenis hubungan termasuk sendiri, isteri, suami, anak lelaki/perempuan, menantu lelaki/perempuan, anak tiri lelaki/perempuan, datuk, nenek, cucu dan lain-lain (cth. ibu saudara, bapa saudara, anak saudara, dll.)

12. Adakah anda mempunyai ahli keluarga dalam rumah ini yang berpenyakit kronik (e.g. diabetes, hypertension, sakit jantung, kanser, dll.)

Ya Tidak

Jika YA, sila nyatakan jenis penyakit kronik: _____

13. Adakah anda mempunyai ahli keluarga dalam rumah ini yang menghisap rokok?

Ya Tidak

14. Adakah anda mempunyai ahli keluarga dalam rumah ini yang mengalami masalah penyalahgunaan bahan (cth. dadah, alcohol, gam, daun ketum, ganja dll)?

Ya Tidak

[Instruction: Sila pastikan soalan yang diajukan dalam bahagian-bahagian seterusnya ditanya secara "rotation"]

Seksyen ini mengandungi pernyataan Hubungan Kekeluargaan anda

15. Sila nyatakan kepentingan **Hubungan Kekeluargaan** dalam **Kesejahteraan Keluarga** anda:

Tidak Penting 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 **Sangat Penting**

Sila tandakan persetujuan anda dengan pernyataan berikut berdasarkan skala yang diberikan:

| | | | | |
|----------------------------|---------------------|--------------------|---------------|----------------------|
| Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju |
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

A-1: Penglibatan Ibu Bapa

| | | | | | | |
|----|---|---|---|---|---|---|
| 16 | Kami menggalakkan anak-anak membantu dengan kerja-kerja rumah. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 17 | Kami mendidik anak menjadi seorang yang bertanggungjawab. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 18 | Kami memberi perhatian pada aktiviti yang anak-anak lakukan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 19 | Kami menunjukkan rasa sayang kepada anak-anak (cth. pujian, meluangkan masa bersama anak-anak, dll.). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 20 | Kami memuji anak kami apabila dia berkelakuan baik. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 21 | Kami menyemak kerja rumah anak-anak sekurang-kurangnya sekali seminggu. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 22 | Kami hadir ke aktiviti-aktiviti sekolah anak-anak (cth. hari sukan, hari kad laporan, dll.). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 23 | Kami menggalakkan anak-anak berkongsi masalah dengan kami. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 24 | Kami cuba mengenali kawan-kawan anak kami. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

A-2: Kualiti Masa bersama Keluarga

| | | | | | | |
|----|---|---|---|---|---|---|
| 25 | Kami meluangkan masa berbual-bual dengan anak-anak apabila mereka ingin bercakap tentang sesuatu perkara. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 26 | Kami sekeluarga selalu melakukan aktiviti riadah (cth jogging, berbasikal, bersiar-siar, berkebun, dll.). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 27 | Kami meluangkan masa melakukan aktiviti yang anak-anak suka. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 28 | Kami makan bersama anak-anak sekurang-kurangnya dua kali seminggu. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 29 | Kami meraikan hari istimewa bersama keluarga (cth. sambutan hari jadi, ulang tahun perkahwinan, dll.). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

A-3: Imbangan Kerja Keluarga

| | | | | | | |
|----|--|---|---|---|---|---|
| 30 | Kami berpuas hati dengan keseimbangan kerja dan kehidupan keluarga kami. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 31 | Kerja membantu menambah pengetahuan dan ini membantu kami menjadi ahli keluarga yang lebih baik | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 32 | Kerja memberi perasaan gembira dan ini membantu kami menjadi ahli keluarga yang lebih baik. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 33 | Kerja membawa kami kepada kejayaan dan ini membantu kami menjadi ahli keluarga yang lebih baik. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 34 | Kami berpeluang memilih waktu kerja anjal/fleksibel. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 35 | Tekanan dari kerja tidak memberi kesan kepada keluarga kami | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 36 | Kerja lebih masa <i>overtime</i> (OT) tidak memberi impak kepada masa kualiti kami dengan keluarga | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 37 | Pasangan saya dan/atau saya tidak membawa perasaan negatif dari tempat kerja ke rumah. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 38 | Pasangan saya dan/atau saya sentiasa bimbang dengan pengaturan penjagaan (" <i>childcare arrangement</i> ") anak-anak. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

A-4: Perhubungan Rapat

| | | | | | | |
|----|---|---|---|---|---|---|
| 39 | Kami sekeluarga mempunyai hubungan yang rapat antara satu sama lain. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 40 | Kami boleh bergantung antara satu sama lain apabila menghadapi masalah | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 41 | Kami boleh berkongsi kerisauan dengan ahli keluarga kami pada bila-bila masa. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 42 | Pasangan saya dan saya rasa amat rapat dengan satu sama lain. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 43 | Pasangan saya memberi rasa selamat dan yakin kepada saya. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

A-5: Kefungsian Keluarga

| | | | | | | |
|----|--|---|---|---|---|---|
| 44 | Kami berkongsi tugas dan tanggungjawab dalam keluarga. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 45 | Kami menerima perbezaan keperibadian ahli keluarga (cth. perbezaan personaliti, karakter, pendapat, dll.). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 46 | Kami sentiasa memberi peluang anak-anak untuk menjelaskan keadaan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 47 | Kami sentiasa berbincang dengan anak-anak dalam membuat sesuatu keputusan yang berkaitan dengan keluarga. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 48 | Kami mempunyai persekitaran keluarga yang bersifat memupuk dan membina. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

A-6: Daya Tindak Keluarga**SEMASA** berhadapan dengan masalah atau krisis:

| | | | | | | |
|----|--|---|---|---|---|---|
| 49 | Saya berkongsi masalah dengan ahli keluarga. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 50 | Ahli keluarga saling memberi sokongan dalam masa kesusahan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 51 | Kami cuba mencari jalan penyelesaian segera apabila berhadapan dengan masalah. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 52 | Tidak kira betapa susahnyanya keadaan, kami tetap bersatu. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 53 | Kami boleh menghadapi kesukaran dan mencapai satu penyelesaian. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 54 | Kami boleh menyesuaikan diri apabila terdapat krisis dalam kalangan ahli keluarga. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 55 | Kami tabah dalam menghadapi kesusahan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

A-7: Daya Tahan Keluarga**SELEPAS** masalah atau krisis telah berlalu:

| | | | | | | |
|----|--|---|---|---|---|---|
| 56 | Kami sekeluarga akan cuba memahami semula apa yang berlaku. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 57 | Kami tiada masalah untuk kembali berhadapan dengan kehidupan seharian. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 58 | Kami tidak akan menunding jari atas kesalahan sesiapa dalam ahli keluarga. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 59 | Kami akan berbincang tentang cara untuk mengelak situasi yang sama berlaku lagi. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 60 | Kami mengambil iktibar dari apa yang telah berlaku. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 61 | Kami akan berkongsi perasaan tentang masalah tersebut bersama ahli keluarga. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

Seksyen ini mengandungi pernyataan Kesihatan Keluarga anda

74. Sila nyatakan kepentingan **Kesihatan Keluarga** dalam **Kesejahteraan Keluarga** anda:

Tidak Penting **Sangat Penting**
 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

Sila tandakan persetujuan anda dengan pernyataan berikut berdasarkan skala yang diberikan:

| | | | | |
|----------------------------|---------------------|--------------------|---------------|----------------------|
| Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju |
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

C-1: Amalan Kesihatan

| | | | | | | |
|----|---|---|---|---|---|---|
| 75 | Hidangan harian kami adalah seimbang (cth. mengandungi produk tenusu, sayur-sayuran, buah-buahan, bijiran dan protein). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 76 | Kami sekeluarga beriadah/bersenam sekurang-kurangnya sekali seminggu. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 77 | Rumah kami ada menyimpan ubat-ubatan asas sekiranya ahli keluarga jatuh sakit (cth. ubat demam, ubat batuk, ubat selsema dll) | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 78 | Kami menjalankan pemeriksaan kesihatan sekurang-kurangnya setiap tiga tahun | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

Sila tandakan persetujuan anda dengan pernyataan berikut berdasarkan skala yang diberikan:

| | | | | |
|-------------------|------------------|-------------|--------------------|--------------------|
| Tidak Baik | Agak Baik | Baik | Sangat Baik | Paling Baik |
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

C-2: Kesihatan Umum

| | | | | | | |
|----|--|---|---|---|---|---|
| 79 | Secara keseluruhan, saya menilai tahap kesihatan umum keluarga saya sebagai: | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 80 | Secara keseluruhan, saya menilai tahap kesihatan fizikal* keluarga saya sebagai: | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 81 | Secara keseluruhan, saya menilai tahap kesihatan mental* keluarga saya sebagai: | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 82 | Secara keseluruhan, saya menilai tahap kesihatan social* keluarga saya sebagai: | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

***Nota**

Kesihatan Fizikal: Merujuk kepada keadaan fizikal yang bebas dari penyakit atau kecederaan tubuh badan, dengan diet yang sihat dan senaman yang mencukupi

Kesihatan Mental: Merujuk kepada kemampuan untuk tidur dengan baik, menumpukan perhatian pada tugas harian, menikmati rutin harian, tiada masalah berkaitan tekanan, dan lain-lain.

Kesihatan Sosial: Merujuk kepada hubungan / interaksi yang sihat dengan orang lain seperti ahli keluarga, jiran, rakan, rakan sekerja, dll.

Seksyen ini mengandungi pernyataan Keselamatan Keluarga anda

83. Sila nyatakan kepentingan **Keselamatan Keluarga** dalam **Kesejahteraan Keluarga** anda:

Tidak Penting **Sangat Penting**
 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

Sila tandakan persetujuan anda dengan pernyataan berikut berdasarkan skala yang diberikan:

| | | | | |
|----------------------------|---------------------|--------------------|---------------|----------------------|
| Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju |
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

D-1: Keselamatan Keluarga

| | | | | | | |
|----|---|---|---|---|---|---|
| 84 | Kami peka dengan isu keselamatan keluarga (cth. penderaan, penculikan, ragut, pecah rumah dll). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 85 | Kami sentiasa berjaga-jaga dengan mengambil langkah-langkah keselamatan (cth. patrol komuniti setempat, memasang lampu, memasang mangga kunci, CCTV, dll.). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 86 | Kami rasa selamat dalam rumah. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 87 | Kami memastikan item berbahaya (e.g. ubat-ubatan, item beracun, peralatan elektrik, dll) tidak mudah dicapai oleh anak-anak. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 88 | Kami mendidik anak-anak tentang isu-isu keselamatan keluarga (cth. penculikan, pecah rumah, keselamatan jalanraya, dll.). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

D-2: Pengetahuan Kecemasan

| | | | | | | |
|----|--|---|---|---|---|---|
| 89 | Kami tahu menggunakan alat pemadam api. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 90 | Kami tahu di mana lokasi pili bomba terdekat di kawasan perumahan kami. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 91 | Rumah kami mempunyai alat perubatan kecemasan (cth. ubat kuning, antiseptik, kain pembalut, plaster, kapas, dll.). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 92 | Kami sekeluarga ada plan menyelamatkan diri sekiranya berlaku kecemasan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

Seksyen ini mengandungi pernyataan Keluarga dan Keterlibatan Komuniti

93. Sila nyatakan kepentingan **Kelibatan Komuniti** dalam **Kesejahteraan Keluarga** anda:

Tidak Penting **Sangat Penting**
 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

Sila tandakan persetujuan anda dengan pernyataan berikut berdasarkan skala yang diberikan:

| | | | | |
|----------------------------|---------------------|--------------------|---------------|----------------------|
| Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju |
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

E-1: Kerjasama dalam Komuniti

| | | | | | | |
|----|--|---|---|---|---|---|
| 94 | Kami mengetahui siapa yang perlu dihubungi apabila memerlukan pertolongan dalam kawasan kejiranan kami. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 95 | Kami memberi sumbangan bagi membantu komuniti (cth. sumbangan kewangan, sumbangan fizikal, sumbangan idea, dll.) | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 96 | Kami mengambil bahagian dalam aktiviti kejiranan (cth. gotong-royong, perbincangan, dll.) | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 97 | Kami berkongsi maklumat atau memberi maklum balas dalam komuniti kami (cth. papan buletin, kumpulan WhatsApp, dll.). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

E-2: Hubungan dalam Komuniti

| | | | | | | |
|-----|--|---|---|---|---|---|
| 98 | Kami mempunyai hubungan yang baik dengan jiran tetangga. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 99 | Kami sayang komuniti kami. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 100 | Kami selalu bertegur sapa dengan jiran kami. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 101 | Kami menjemput jiran-jiran ke rumah kami pada hari-hari perayaan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 102 | Kami boleh bergantung pada jiran-jiran untuk menjaga rumah kami apabila kami tiada di rumah. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

Seksyen ini mengandungi pernyataan Perumahan dan Persekitaran

114. Sila nyatakan kepentingan **Perumahan dan Persekitaran** dalam **Kesejahteraan Keluarga** anda:

| | | | | | | | | | | | |
|----------------------|---|---|---|---|---|---|---|---|---|----|-----------------------|
| Tidak Penting | | | | | | | | | | | Sangat Penting |
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | |

Sila tandakan persetujuan anda dengan pernyataan berikut berdasarkan skala yang diberikan:

| | | | | |
|----------------------------|---------------------|--------------------|---------------|----------------------|
| Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju |
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

G-1: Kawasan Perumahan

| | | | | | | |
|-----|---|---|---|---|---|---|
| 115 | Kami mudah mendapatkan perkhidmatan pengangkutan awam (termasuk e-hailing) di kawasan perumahan kami. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 116 | Kemudahan asas (cth. bekalan air dan elektrik) dalam kawasan perumahan kami adalah memuaskan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 117 | Kemudahan bantuan kemasyarakatan (cth RELA, Polis Bantuan dll) mudah didapati. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 118 | Prasarana (cth. pejabat pos, kedai runcit, padang permainan, pili bomba, dll.) mencukupi di kawasan perumahan kami. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 119 | Kami mempunyai akses kepada kemudahan 3R di kawasan perumahan kami. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

G-2: Tahap Pencemaran

| | | | | | | |
|-----|--|---|---|---|---|---|
| 120 | Tahap pencemaran (cth. bau dan bunyi) di kawasan perumahan kami adalah rendah. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 121 | Sampah sarap di kawasan perumahan kami diselenggara dengan baik. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 122 | Sistem perparitan di kawasan perumahan kami diselenggara dengan baik. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 123 | Tempat tinggal kami tidak terdedah kepada kebisingan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

G-3: Amalan 3R

| | | | | | | |
|-----|--|---|---|---|---|---|
| 124 | Kami membawa bekas atau beg sendiri semasa membawa makanan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 125 | Kami menggunakan beg kitar semula apabila membeli barangan runcit. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 126 | Kami meletakkan sisa yang boleh dikitar semula ke dalam tong kitar semula. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 127 | Kami berusaha mengurangkan penggunaan bahan plastic. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 128 | Kami mengasingkan sampah (boleh dikitar semula vs tidak boleh dikitar semular) di rumah. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

Seksyen ini mengandungi pernyataan Keluarga dan Teknologi Komunikasi

129. Sila nyatakan kepentingan **Teknologi Komunikasi** dalam **Kesejahteraan Keluarga** anda

Tidak Penting **Sangat Penting**
 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

Sila tandakan persetujuan anda dengan pernyataan berikut berdasarkan skala yang diberikan:

| | | | | |
|----------------------------|---------------------|--------------------|---------------|----------------------|
| Sangat Tidak Setuju | Tidak Setuju | Tidak Pasti | Setuju | Sangat Setuju |
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

H-1: Pengaruh Aplikasi Komunikasi

| | | | | | | |
|-----|---|---|---|---|---|---|
| 130 | Aplikasi komunikasi memudahkan kami sekeluarga berhubung antara satu sama lain. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 131 | Penggunaan aplikasi komunikasi telah membawa pengaruh positif kepada keluarga kami. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 132 | Keluarga kami mempunyai lebih banyak topik perbualan disebabkan perkongsian berita melalui aplikasi komunikasi | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 133 | Kami menggunakan aplikasi mesej dan panggilan untuk mengatur aktiviti harian seperti perhimpunan keluarga dan menjejaki lokasi anak-anak. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 134 | Dengan adanya aplikasi komunikasi, kami jarang berbual-bual secara bersemuka sesama ahli keluarga. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 135 | Anak-anak merungut apabila kami menggunakan aplikasi komunikasi. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 136 | Aplikasi komunikasi menimbulkan masalah kepada kami sekeluarga. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 137 | Hubungan kami dengan anak-anak semakin renggang sejak mereka mempunyai alat telekomunikasi sendiri | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 138 | Keluarga kami jarang berbual masa makan disebabkan gangguan alat telekomunikasi. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

Nota (1): Aplikasi komunikasi merujuk kepada aplikasi yang biasa digunakan untuk membantu komunikasi antara pengguna seperti Whatsapp, WeChat, Line, dll.

Nota (2): Alat komunikasi merujuk kepada alat komunikasi mudah alih yang biasa digunakan di rumah seperti telefon bimbit mudah alih /telefon pintar, tablet, iPad, dll.

H-2: Kawalan Ibu Bapa terhadap Teknologi Komunikasi

| | | | | | | |
|-----|--|---|---|---|---|---|
| 139 | Anak kami adalah kawan di laman media sosial (cth. Facebook, Twitter, Instagram, dll.) | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 140 | Kami mempunyai peraturan keluarga yang khusus berkaitan penggunaan teknologi komunikasi. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 141 | Kami sentiasa mengawal laman-laman web yang diakses/dilawati oleh anak-anak. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 142 | Kami mendidik anak-anak tentang risiko dan bahaya internet. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 143 | Kami mendidik anak-anak supaya tahu melindungi diri sendiri apabila menggunakan internet. (cth tidak kongsi maklumat peribadi dengan orang luar, penggunaan kata kunci, dll.). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

Seksyen ini mengandungi pernyataan tentang Kesejahteraan Keluarga anda

Hubungan Suami dan Isteri

| | | | | | | |
|-----|---|---|---|---|---|---|
| 144 | Pasangan saya dan saya berbual dengan kerap. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 145 | Pasangan saya dan saya boleh mengatasi konflik dan menerima perbezaan kami. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 146 | Pasangan saya dan saya meminati aktiviti riadah yang sama. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 147 | Pasangan saya dan saya adalah komited terhadap perkahwinan kami. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

148. Bulatkan **LIMA (5) cabaran utama** yang sedang dihadapi oleh keluarga anda:

| | | | |
|---|---------------------------------------|----|-----------------------------|
| 1 | Masalah kewangan | 8 | Kecurangan suami/isteri |
| 2 | Masalah kesihatan fizikal | 9 | Kurang kefahaman agama |
| 3 | Masalah kesihatan emosi | 10 | Keganasan fizikal |
| 4 | Kehakisan nilai murni | 11 | Masalah sosial |
| 5 | Masalah komunikasi | 12 | Pengaruh luar |
| 6 | Ketegangan hubungan suami/isteri | 13 | Lain-lain (nyatakan: _____) |
| 7 | Ketegangan hubungan ibu bapa dan anak | | |

149. Bulatkan **LIMA (5) pemahaman** anda tentang kesejahteraan keluarga:

| | | | |
|---|------------------------------|----|------------------------------------|
| 1 | Ketenteraman dan kebahagiaan | 8 | Keperluan asas yang mencukupi |
| 2 | Tempat tinggal yang selesa | 9 | Kasih sayang |
| 3 | Komuniti yang prihatin | 10 | Mempercayai antara satu sama lain |
| 4 | Ekonomi yang stabil | 11 | Bertanggungjawab terhadap keluarga |
| 5 | Hubungan keluarga yang erat | 12 | Tabah menghadapi masalah |
| 6 | Kesihatan fizikal | 13 | Kesihatan emosi |
| 7 | Amalan nilai-nilai murni | 14 | Lain-lain (nyatakan: _____) |

150. Bulatkan **LIMA (5) nilai-nilai murni** yang paling penting dalam kehidupan keluarga anda:

| | | | |
|---|---------------------------|----|-----------------------------|
| 1 | Taat kepada suruhan agama | 8 | Kasih sayang |
| 2 | Kejujuran | 9 | Keadilan |
| 3 | Amanah | 10 | Kebersihan |
| 4 | Hormat-menghormati | 11 | Kerajinan |
| 5 | Berilmu | 12 | Kerjasama |
| 6 | Baik hati | 13 | Kesederhanaan |
| 7 | Bersyukur | 14 | Semangat kemasyarakatan |
| | | 15 | Lain-lain (nyatakan: _____) |

Sila tandakan persetujuan anda dengan pernyataan berikut berdasarkan skala yang diberikan:

151. Sekiranya anak tangga yang paling tinggi melambangkan kesejahteraan terbaik, di anak tangga manakah keluarga anda berada **SEKARANG?**

| |
|----|
| 10 |
| 9 |
| 8 |
| 7 |
| 6 |
| 5 |
| 4 |
| 3 |
| 2 |
| 1 |

152. Pada jangkaan anda, di anak tangga manakah keluarga anda berada **LIMA TAHUN DARI SEKARANG?**

| |
|----|
| 10 |
| 9 |
| 8 |
| 7 |
| 6 |
| 5 |
| 4 |
| 3 |
| 2 |
| 1 |

153. Pada keseluruhannya, sejauh manakah anda berpuas hati dengan **kesejahteraan keluarga** anda?

Langsung tidak berpuas hati

Sangat berpuas hati

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|----|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|----|

BORANG SOAL SELIDIK TAMAT